

Banjir terburuk

20 rumah terjejas kejadian dua kali dalam seminggu

DAMANSARA – Hujan lebat petang kelmarin menyebabkan 20 rumah di kawasan Hilir Sungai Penchala, di sini dilanda banjir kilat berpunca dari limpahan air sungai.

Hujan yang turun bermula jam 4.30 petang itu turut memusnahkan harta benda penduduk dan menyebabkan kenderaan ditenggelami air yang naik secara mendadak.

Penduduk, Norhayati Saad, 55, berkata, hampir semua peralatan rumahnya rosak termasuk perabot yang diperbuat daripada kayu.

"Sudah banyak kali banjir berlaku namun kali ini paling teruk kerana air lambat untuk surut," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, masalah berkenaan sudah banyak kali diadukan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) namun tiada perubahan, malah hanya kerja pendalaman sungai dilakukan.

Seorang lagi penduduk Rosnah Enjah, 52, berkata, banjir kilat berlaku dua kali dalam minggu ini dan penduduk tidak sanggup menghadapinya sekali lagi.

"Kami tidak dapat tidur malam memandangkan sekarang ini keadaan cuaca tidak menentu dan hujan boleh turun bila-bila masa saja," katanya.

Rosnah berkata, aduan sudah dibuat kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) tiga hari lalu namun sehingga kini masih tiada tindakan.

Norfaizah Saad, 43, pula mencadangkan supaya kerja-kerja dapat dijalankan dengan perancangan teliti bagi mengelak banjir kilat berulang.

Katanya, PBT perlu serius untuk mengatasi masalah itu,



Sebuah kereta ditenggelami air dalam banjir kilat di Hilir Penchala kelmarin.

bukan membiarkannya tanpa sebarang perancangan untuk jangka masa panjang.

Menurutnya, kerugian terpaksa ditanggung penduduk kesan banjir kilat selama ini sekiranya dihitung sudah mencecah jutaan ringgit.